

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM

KAWASAN : BANDAR TUN RAZAK

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 31

YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah dana awam dan nilai bantuan dalam semua bentuk lain yang dinikmati Proton Holding Berhad serta pulangan dan sumbangan syarikat automotif tersebut kepada negara dalam semua bentuk sejak penubuhan pada 1985 sehingga kini.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON telah ditubuhkan pada tahun 1985 dengan tujuan untuk menggalakkan proses perindustrian sektor automotif dan meningkatkan keupayaan rakyat tempatan dalam sektor berkenaan.

Sejak penubuhannya, pihak Kerajaan telah memberikan pelbagai bantuan kepada PROTON untuk memastikan syarikat berkenaan kekal berdaya saing dalam mengharungi cabaran industri yang amat

kompetitif ini. Antara lain, Kerajaan telah memberi bantuan berjumlah RM13.9 bilion yang merangkumi geran, pengecualian cukai termasuk bantuan-bantuan lain bukan fiskal.

Tuan Yang Di Pertua,

Tidak dinafikan PROTON telah banyak menyumbang kepada negara dan memberi manfaat yang besar kepada industri serta seluruh rangkaian ekosistem di mana 12,000 rakyat tempatan bekerja dengan PROTON dan sebanyak 130,000 orang yang lain terlibat secara tidak langsung dalam industri automotif tempatan.

PROTON misalnya telah menyumbang sebanyak RM24 bilion dalam bentuk kutipan cukai sejak penubuhannya pada tahun 1985. Selain itu, kewujudan PROTON juga turut menggalakkan lebih 500 usahawan tempatan khususnya Bumiputera untuk terlibat sebagai syarikat pengeluar komponen dan alat ganti, pengedar, pusat jualan serta pengusaha bengkel.

Kerajaan akan terus komited untuk memastikan perkembangan dan pembangunan berterusan industri automotif tempatan yang turut melibatkan transformasi PROTON dan ekosistemnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

SOALAN : 32

Y.B. Dato' Abd. Aziz Bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan bagi mengenal pasti dan menawarkan kursus yang benar-benar diperlukan oleh pasaran kerjaya bagi mengelakkan berlakunya lambakan graduan yang menganggur
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam mengkoordinasi dan menyeragamkan pelbagai institusi pendidikan yang terletak di bawah pelbagai Kementerian terutamanya daripada segi panduan pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan ahli tetap di dalam Jawatankuasa Majlis Modal Insan Negara (MMI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan strategi yang terdapat dalam Teras 3 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11). Antara objektif penubuhan MMI adalah untuk menetapkan dasar hala tuju pembangunan

modal insan negara, menentukan keutamaan dalam pelaksanaan inisiatif pembangunan modal insan, memastikan kualiti penawaran modal insan menerusi pendidikan dan TVET, serta memastikan penglibatan industri dalam perancangan modal insan. negara.

KPT sentiasa sedia memberikan kerjasama sepenuhnya dengan membekalkan data graduan dalam bidang TVET yang diperolehi menerusi Kajian Pengesanan Graduan (*Tracer Study*) kepada semua Kementerian yang terlibat. Selain itu, KPT juga turut Melaksanakan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework-MQF) serta melaksanakan penjumudan program yang tidak relevan dan tidak berdaya maju. Ini dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya lambakan graduan yang menganggur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesebuah universiti awam yang ingin menawarkan program akademik baharu perlu melalui proses saringan awal, permohonan Perakuan Akreditasi Sementara dan perakuan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT). Mesyuarat Saringan Awal dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi mempunyai ahli dari pelbagai agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Agensi Kelayakan Malaysia.

Mesyuarat Saringan Awal dan Mesyuarat JKPT juga sentiasa memastikan program akademik baharu yang hendak dilaksanakan adalah selari dengan Program di bawah NKEA - Kluster Pendidikan dan

bidang tujahan universiti bagi memastikan tidak berlaku lambakan graduan yang mengganggu.

Di samping itu, usaha mengkoordinasi dan penyeragaman antara kementerian diteruskan melalui program seperti Majlis-Majlis Dekan Universiti Awam, Mesyuarat Majlis Kerjasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia (MAGNETIC), dan mesyuarat/bengkel anjuran KPT secara bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KPT-KKM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPT-KPM), dan Kementerian Kerja Raya Malaysia (KPT-KKR).